

19,335 belum bayar kompaun lalu lintas

» *Potongan 50 peratus jika jelas saman dua minggu selepas notis dikeluarkan*

Oleh Syezlin Ramli
bhnews@bh.com.my

■ Johor Bahru

Pemilik 19,335 kenderaan didapati masih tidak melangsaikan kompaun lalu lintas dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru

(MPJB) bernilai RM5 juta.

Jumlah itu direkodkan sepanjang tahun lalu memabatkan kesalahan parkir dan menghalang laluan.

Datuk Bandar Johor Bahru, Abdul Rahman Mohamed Dewam (**gambar**), berkata pemilik kenderaan terbabit akan dikenakan tindakan tegas termasuk dihadapkan ke Mahkamah Bandaraya sekiranya gagal menjelaskan kompaun itu mengikut tempoh ditetapkan.

Babit kenderaan Singapura

Katanya, kompaun berkenaan memabatkan kenderaan yang berdaftar di negara ini dan Singapura.

“Tak kira pemandu tempa-

tan atau Singapura, keduanya akan dikenakan tindakan undang-undang yang sama jika tidak melangsaikan kompaun itu.

Tindakan undang-undang

“Saya menggesa kepada pemandu yang masih belum menjelaskan kompaun yang dikeluarkan oleh pihak MBJB supaya membayarnya secepat mungkin bagi mengelak dikenakan tindakan undang-undang,” katanya kepada *BH* di sini, semalam.

Abdul Rahman berkata, mereka yang menjelaskan kompaun dalam tempoh dua minggu selepas notis kompaun dikeluarkan akan diberikan



potongan harga sebanyak 50 peratus.

Bagaimanapun, katanya kadar penuh perlu dibayar jika kompaun tidak dijelaskan selepas dua minggu notis dikeluarkan.

“Sebelum tindakan mahkamah diambil, saya meminta pemilik kenderaan terbabit membuat pembayaran dalam masa yang terdekat di pejabat MBJB atau di Unit Transformasi Bandar (UTC) di Kotaraya,” katanya.